

**SIARAN AKHBAR
Untuk Edaran Segera
26 Februari 2026**

SD Guthrie dan MBI Selangor Menandatangani MOU untuk Pembangunan Strategik Pulau Carey

Satu kerjasama transformatif bagi memacu pertumbuhan wilayah dalam
Pembangunan Bersepadu Wilayah Selatan Selangor (IDRISS).

Petaling Jaya, 26 Februari 2026 – SD Guthrie Berhad (Guthrie) dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor) menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) untuk meneroka kerjasama strategik bagi pembangunan bersepadu di Pulau Carey.

Perjanjian tersebut mewujudkan satu rangka kerja bagi kedua-dua pihak untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan serta membangunkan pelan induk dengan potensi peluasan sebanyak 2,500 ekar hingga 5,000 ekar di Ladang Pulau Carey.

Pembangunan yang dicadangkan di Pulau Carey ini akan membentuk sebagai satu komponen penting bagi inisiatif Pelabuhan Terminal Ketiga yang dicadangkan, iaitu Pelabuhan Pulau Carey, yang terletak dalam Zon Ekonomi Khas (SEZ) Pulau Carey. Ini juga akan mengukuhkan kedudukan SEZ sebagai hab ekonomi pemangkin, membolehkan penjaan aktiviti ekonomi bernilai tinggi di Pulau Carey sambil menyokong agenda pertumbuhan yang lebih luas untuk Selangor selatan.

"Kerjasama antara MBI Selangor dan Guthrie menzahirkan iltizam Kerajaan Negeri untuk memanfaatkan potensi strategik Pulau Carey. Melalui gabungan kapasiti institusi yang kukuh dan pengalaman industri yang terbukti, kerjasama ini akan mempercepat pembangunan Zon Ekonomi Khas Pulau Carey, merangsang aktiviti ekonomi bernilai tinggi, serta menjana peluang lebih luas yang memperkasakan komuniti di Selangor selatan," kata YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor.

Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie, Mohd Haris Mohd Arshad, berkata usaha sama terkini ini merupakan peluang strategik bagi Guthrie untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam fasa pertumbuhan ekonomi Selangor yang seterusnya, serta mengutamakan pembangunan kelestarian yang sejajar dengan rangka kerja kelestarian "Beyond Zero" Guthrie.

"Satu pendekatan strategik dan berlestari untuk membangunkan Pulau Carey amat penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi, sambil mengekalkan nilai tinggi pulau kepada industri perladangan dan elemen warisannya. Ini termasuk melindungi biodiversity serta memastikan keperluan dan kesejahteraan masyarakat setempat diutamakan.

"Pembangunan ini menunjukkan bagaimana pengawasan tanah yang strategik dapat membuka potensi ekonomi sambil memelihara integriti alam sekitar dan keseimbangan sosial, mewujudkan impak yang berkekalan untuk negeri dan pihak berkepentingan," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBI Selangor, Dato' Ts. Saipolyazan M. Yusop menekankan kepentingan strategik perkongsian dan menegaskan semula peranan MBI Selangor dalam memajukan pertumbuhan kelestarian Selangor.

“Sebagai agensi pelaburan Negeri, MBI Selangor komited untuk memacu pembangunan strategik yang mampu menjana nilai jangka panjang untuk Selangor. Kerjasama ini akan memperkukuh rangkaian perhubungan jalan raya, infrastruktur dan utiliti di Pulau Carey, yang merupakan pemangkin utama kepada penggalakan aktiviti ekonomi baharu dalam Zon Ekonomi Khas tersebut. Dengan memanfaatkan mandat kami di samping kepakaran Guthrie yang terbukti, kami sedang menyediakan asas untuk pembangunan yang akan memberi manfaat kepada perniagaan, pelabur dan rakyat Selangor,” katanya.

Usaha sama ini menandakan satu pencapaian penting dalam pertumbuhan pembangunan industri baharu Guthrie, dengan mempelbagaikan perniagaan melangkaui operasi perladangannya, serta membuka nilai jangka panjang daripada tanah-tanah strategik di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM40.53 bilion (USD10.42 bilion) setakat 25 Februari 2026, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com

Atau Hubungi:

- **Michael Murty, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-326 8373 | E-mail: michael.murty@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com

Mengenai MBI Selangor:

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Menteri Besar Selangor [Enakmen No: 3 1994] pada 21 September 1994. MBI Selangor berperanan sebagai sebuah badan korporat yang telah ditubuhkan khas untuk mentadbir pengurusan aset dan pelaburan milik Kerajaan Negeri Selangor serta mewakili kerajaan negeri dalam melaksanakan aktiviti berunsur perniagaan yang di luar bidang kuasa pihak kerajaan negeri. MBI Selangor juga berperanan mempromosi dan mendokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri Selangor di samping melunaskan kewajipan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Pertanyaan Media:

Mohd Fauzi Mohd Ghazali
Ketua, Komunikasi Korporat & Kelestarian
mohdfauzi@mbiselangor.com.my
+6012-672 3932